

TARIKH	05 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	sempat

Hasil bendang ke Tanah Suci

KELANA JAYA: Sepasang suami isteri gembira dapat menunaikan haji dengan menggunakan wang simpanan daripada hasil bendang yang diusahakan lebih 20 tahun lalu.

Bakal haji, Abdul Hamid Buyung (*gambar*), 77, berkata, setiap bulan, dia dan isteri, Maznah Mansor, 62, tidak lupa menyimpan sedikit wang hasil tuaian padi yang diusahakan bersama.

"Walaupun dengan wang itu kami gunakan untuk membesarkan sembilan anak, namun Alhamdulillah dengan hasil itu kami dapat melaksanakan Rukun Islam Kelima ini.

"Kami tak pernah lupa melakukan tabungan bagi mencapai impian ke Makkah," katanya yang berasal dari Bagan Serai, Perak.



Abdul Hamid tidak putus-putus memanjatkan rasa syukur kerana terpilih ke Tanah Suci selepas hampir beberapa tahun mendaftar dengan Tabung Haji (TH).

"Impian berada di Tanah Suci tersemat sejak saya muda. Jadi saya sentiasa berjimat-cermat bagi memastikan tabungan cukup untuk ke sana," katanya.